

1/11/02 – New Sabah Times

UMS biayai pelbagai program kesenian bagi pelihara warisan seni etnik

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) membiayai pelbagai program kesenian untuk memelihara warisan seni etnik di negeri ini, kata Naib Canselor UMS Prof Tan Sri Abu Hassan Othman.

Beliau berkata, ini termasuklah kajian yang mencerminkan aktiviti hidup harian kumpulan etnik Sabah terutamanya dari segi hubungan sosial, perjuangan, hiburan dan ilmu pengetahuan.

“Kajian seni warisan etnik ini bukan sahaja mendapat perhatian daripada para seniman tetapi juga pakar-pakar daripada bidang antropologi, etnografi dan etnomatematik.

“Kesemua pihak ini mengakui keagungan warisan seni etnik Sabah sebagai satu cabang ilmu estetika yang istimewa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Warisan Seni Etnik Sabah di Perpustakaan UMS, dekat sini, kelmarin. Teks ucapan beliau disampaikan Timbalan Naib Canselor, Prof Datuk Mohd Noh Dalimin.

“Pihak kami juga tidak ketinggalan dalam menghargai sumbangan kesenian suku-suku etnik di negeri ini kepada kemantapan budaya masyarakat Malaysia, kami yakin seni etnik di Sabah akan kekal sebagai agenda penyelidikan penting pada masa akan datang,” katanya.

Katanya lagi, usaha mengekalkan kepopularan seni etnik adalah penting memandangkan masyarakat kini dilanda gelombang budaya asing yang mengancam untuk mengubah cita rasa masyarakat Malaysia.

“Cabaran itu tidak dapat ditangani dengan mengamalkan dasar pintu tutup, sebaliknya setiap masyarakat perlu menghadapi saingan itu dengan mengukuhkan institusi sosial tempatan dan ini juga melibatkan usaha melindungi warisan seni masyarakat.

“Oleh itu, pihak universiti mengambil inisiatif merancang dan melaksanakan seminar ini sebagai sumbangan kepada usaha memantapkan lagi kedudukan seni etnik dalam masyarakat Sabah.”

katanya. -OLEH MARRYAN RAZAN

01/11/02 NST Junedt